

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017 | SELASA

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Tabung Haji (sejak 2010) tidak melantik AirAsia untuk khidmat penerbangan jemaah haji dan hanya melantik Penerbangan Malaysia (MAB) dan Saudia (atau anak syarikat), sedangkan harga bidaan Air Asia lebih murah.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap negara membawa jumlah jemaah haji yang agak besar dalam tempoh terhad (iaitu kira-kira 1 bulan untuk penerbangan pergi dan 1 bulan untuk penerbangan balik). Penerbangan carter haji adalah tertakluk kepada Peraturan Haji Arab Saudi

yang telah menetapkan pelbagai syarat dan peraturan, demi menjaga masalahat (kepentingan/faedah) dan kebajikan jemaah haji serata dunia. Antaranya, Peraturan Haji Arab Saudi ini ialah hak untuk membawa jemaah haji sesebuah negara adalah dibahagi kepada dua bahagian - 50:50, iaitu di antara syarikat penerbangan negara terbabit dan syarikat penerbangan Arab Saudi.

Bagi mematuhi peraturan tersebut, Tabung Haji (*TH*) berusaha mendapatkan syarikat penerbangan yang memberikan perkhidmatan terbaik untuk jemaah Malaysia. Syarikat penerbangan yang hendak dinilai dan dilantik bukan sekadar mengambilkira harga yang ditawarkan, tetapi juga mengambilkira kualiti perkhidmatan, kemampuan menggantikan segera pesawat sekiranya berlaku masalah teknikal, keupayaan mematuhi setiap peraturan penerbangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa penerbangan negara Malaysia dan Arab Saudi dan sebagainya.

Juga perlu fahami bahawa harga tiket bagi penerbangan komersial biasa adalah amat jauh berbeza daripada harga penerbangan carter yang perlu mengambilkira muatan bagasi/barangan, air zam-zam serta kos tambang penerbangan pergi/balik yang kosong sewaktu menghantar/membawa balik jemaah haji negara.

Air Asia pernah memberi khidmat membawa jemaah haji negara ini pada tahun 1999 hingga 2002. Pada bidaan tender selepas tempoh tersebut, harga yang ditawarkan oleh Air Asia bukanlah yang termurah berbanding dengan lain-lain syarikat penerbangan.

Sekian, terima kasih.

Soalan (47)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 OKTOBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]

SOALAN :-

YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah sebab Unit Motosikal Gerak Cepat Bomba tidak diguna pakai dalam banyak operasi memadam kebakaran. Nyatakan jumlah sebenar motosikal bomba yang rosak di setiap balai bomba.

117

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Motosikal Gerak Cepat (Rapid Intervention Motorcycle - RIM) merupakan pasukan yang diwujudkan di bandar-bandar utama bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas bagi membolehkan pasukan bomba sampai dengan cepat ke lokasi kecemasan untuk menangani insiden-insiden kecil. Pasukan ini dilengkapi dengan peralatan menyelamatkan asas yang ringan sahaja dan bukan tugas untuk menangani kebakaran atau insiden besar.

Pada masa kini, terdapat 123 buah RIM yang ditempatkan di 31 buah balai bomba dan penyelamat seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 85 buah berada dalam keadaan baik dan 38 buah sedang dalam proses pembaikan.

Bagi tujuan mempertingkatkan perkhidmatan RIM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merancang untuk membuat perolehan motosikal baharu sebanyak 99 unit dalam belanjawan tahun 2018. Walaubagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).